



ANGGOTA bomba meninjau kawasan banjir.

100 keluarga terputus hubungan

Rantau Panjang: Hujan lebat yang berterusan sejak empat hari lalu di sekitar daerah ini menyebabkan kira-kira 100 keluarga di Kampung Tasek Bakong dan Kampung Putat Tujuh, di sini, terputus hubungan selepas jalan yang menghubungkan dua kampung berkenaan mula ditenggelami air, awal pagi semalam.

Peningkatan paras air di Sungai Tasik Garu yang terletak berhampiran menyebabkan air melimpah ke laluan berkenaan sekali gus menghalang kenderaan ringan daripada melalui jalan berkenaan.

Pegawai Operasi Balai Bomba dan Penyelamat Rantau Panjang Pegawai Bomba Kanan I Zaimi Samat berkata, pihaknya yang melakukan tinjauan mendapati laluan sepanjang 300 meter itu tidak

dapat dilalui kerana dilimpahi air sungai.

"Kita pada masa sama mengadakan kunjungan dari rumah ke rumah mendekati warga emas dan orang kelainan upaya (OKU) untuk menasihatkan mereka supaya segera berpindah apabila paras air meningkat ke paras amaran," katanya.

Sementara itu, seorang ibu tunggal dari Kampung Tasek Bakong, Khalijah Rumat, 69, berkata, dia yang tinggal bersama dua anak yang mengalami masalah mental, Azhar Yasin, 38, dan Mek Nab Noh, 50, sentiasa berada dalam kebimbangan setiap kali musim banjir.

Katanya, walaupun rumahnya kerap dilanda banjir, namun mereka tidak pernah berpindah ke pusat pemindahan berikutan bimbang kehadiran dua anaknya itu tidak disenangi mangsa banjir lain.